

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 24 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Ekonomi Malaysia dijangka mula menyederhana

Ekonomi Malaysia dijangka mula menyederhana

Kuala Lumpur: Ekonomi Malaysia dijangka mula menyederhana beberapa bulan ke hadapan pada 2023 kesan ketidakstabilan ekonomi global, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Dalam satu kenyataan semalam, jabatan itu memaklumkan, melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Oktober 2022, Indeks Pelopon (IP) mula

mencatatkan arah aliran di bawah trend 100.0 mata.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, berkata IP Malaysia meningkat 0.4 peratus kepada 109.6 mata pada Oktober 2022 berbanding 109.2 mata pada bulan sama tahun lalu, peningkatan sebanyak 0.4 mata indeks.

"Kenaikan ini disokong oleh bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan dan import

benar logam asas berharga dan logam bukan ferus lain.

"Bagaimanapun, berdasarkan prestasi bulanan, IP mencatatkan negatif 0.3 peratus pada bulan rujukan berbanding negatif 1.3 peratus pada September 2022," katanya.

Trend ini didorong oleh Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (0.6 peratus), Indeks Serentak (IS) men-

catatkan peningkatan 6.5 peratus tahun ke tujuh kepada 120.5 mata

wang benar, M1 (0.1 peratus) dan jangkaan nilai jualan untuk pembuatan (0.1 peratus).

IP adalah alat digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Bagi kedudukan ekonomi semasa, Indeks Serentak (IS) men-

catatkan peningkatan 6.5 peratus pada Oktober 2022 (Oktober 2021: 113.1 mata).

Sebaliknya, perubahan bulanan IS mencatatkan penurunan sebanyak 0.6 peratus disebabkan penurunan Indeks Pengeluaran Perindustrian (-0.4 peratus), kapasiti penggunaan, pembuatan (-0.3 peratus) dan nilai caruman benar Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (-0.1 peratus).
BERNAMA